

21/09/2001

Langkah kumpulan 'ABU' perangkap diri sendiri

Manja Ismail; Kadir Dikoh

BAGI kebanyakan rakyat Sarawak sekarang, istilah 'ABU' membawa maksud 'Abang Bawa Umno', merujuk kepada bekas Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, yang mengetuai sebahagian daripada 64 calon Bebas untuk mencabar Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri Sarawak, 27 September ini.

Sehingga semalam, jumlah sebenar calon Bebas dalam kumpulannya belum diumumkan walaupun sebelum ini Abang Abu Bakar dilaporkan berkata bahawa kumpulannya mahu bertanding 45 daripada 62 kerusi sebagai langkah meneruskan rancangannya membawa Umno ke Sarawak.

Bagaimanapun, penegasan beberapa kali oleh pemimpin Umno, termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini bahawa parti itu tiada kaitan langsung dengan kumpulan Abang Abu Bakar mematikan terus isu itu kepada sebahagian besar rakyat Sarawak.

"Itulah arang yang sudah jadi abu," kata seorang pemerhati merujuk kepada kenyataan pemimpin Umno itu, dengan menganggap bahawa penafian oleh Presiden dan Timbalan Presiden Umno sebagai mematikan isu oleh kumpulan terbabit.

Langkah kumpulan Abang Abu Bakar mengaitkan namanya dengan Umno ternyata menikam diri apabila parti pembangkang lain tawar hati untuk bekerjasama dengan mereka.

Ini diakui sendiri oleh ahli jawatankuasa tertinggi Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Azmin Ali, merangkap Pengarah Operasi Keadilan untuk pilihan raya Sarawak kali ini yang menolak sebarang kerjasama dengan kumpulan terbabit.

Dengan tidak mengumumkan secara rasmi senarai calonnya, Abang Abu Bakar dikatakan cuba mengelak kumpulannya daripada sasaran kempen.

Keengganannya membuat kenyataan akhbar sejak hari penamaan calon hingga semalam dikatakan sebagai strategi terbaru Abang Abu Bakar bagi mengelak daripada serangan balas pemimpin BN, termasuk daripada Umno.

Malah, beliau dan kumpulannya juga tidak banyak mengadakan ceramah terbuka seperti parti lain, sebaliknya melakukan lawatan rumah ke rumah, dikatakan cuba mengelak isu mereka dibalas semula BN.

Beberapa jam sebelum hari penamaan calon Selasa lalu, Keadilan dan Pas masih meneruskan rundingan sekurang-kurangnya bagi mengelak pertembungan sesama sendiri bagi kerusi DUN Samariang.

Kegagalan mencapai kata sepakat itu menyaksikan Pas dan Keadilan masing-masing mengemukakan calon bagi menentang calon BN, Datin Sharifah Mordiah Tuanku Fauzi di Samariang.

Kumpulan Abang Abu Bakar turut bertanding melalui calon bebasnya. Hadir sama mengiringi calon Pas ialah Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, dan Ketua Pemuda, Mahfuz Omar.

Difahamkan, Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, dijadualkan mengiringi calonnya ke situ tetapi beralih ke tempat lain bagi mengelak bertembung dengan Menteri Besar Kelantan, yang boleh menampakkan ketidaksepakatan mereka.

Wan Azizah sebaliknya mengetuai perarakan calon Keadilan bagi kawasan Satok, iaitu pada jarak hanya kira-kira 10 kilometer dari pusat penamaan calon di Samariang.

Keadilan turut bertembung dengan DAP di tiga kawasan, iaitu DUN Tanjung Datu, Pending dan Repok tetapi mengelak daripada bertanding di dua lagi kawasan yang ditandingi Pas, iaitu Sadong Jaya dan Beting Maro - kawasan

majoriti Melayu.

Penyertaan parti pembangkang tunggal di Sarawak, Parti Reformasi Negeri Sarawak (Star), dan calon bebas juga tidak kelihatan mempunyai ikatan.

Lebih menarik perhatian, kemenangan tanpa bertanding calon BN di Batu Kawa dikatakan berpunca daripada arahan salah seorang pemimpin kanan Star supaya calonnya, Alfred Yap, menarik diri dengan alasan tidak mahu menjejaskan masa depan politik Yap jika tewas di kubu kuat BN itu.

Walaupun ramai menganggap BN boleh mengulangi kemenangan besarnya kali ini, ia tidak bermakna jentera pilihan rayanya mengambil mudah cabaran parti-parti pembangkang.

Berbanding hanya menghadapi tentangan daripada parti pembangkang tempatan, calon Bebas dan DAP di beberapa kawasan Cina dalam pilihan negeri terdahulu, kali ini BN juga berdepan dengan Pas dan Keadilan - dua parti pembangkang utama pada peringkat nasional.

Berdasarkan jumlah calon yang diletakkan oleh ketiga-tiga parti itu, 25 Keadilan, 13 DAP dan tiga Pas, masing-masing memang tidak menaruh harapan untuk membentuk kerajaan negeri kecuali jika ditakdirkan mereka memenangi semua kerusi itu bagi membolehkan pembentukan kerajaan campuran - satu perkara yang agak mustahil.

Kehadiran DAP, Pas dan Keadilan, anggota pakatan pembangkang di Semenanjung tetapi secara zahir membawa haluan masing-masing dalam pilihan raya ini, turut membawa satu budaya baru dalam kempen politik di Sarawak, yang memerlukan BN negeri berhati-hati supaya tidak terjebak dengan strategi mereka.

Pada hari penamaan calon, misalnya, kehadiran kumpulan anak-anak muda yang berlilit kepala membawa bendera Keadilan dan meneriakkan slogan 'reformasi' adalah perkara baru di negeri ini walaupun ia sudah basi di Semenanjung.

Kehadiran pemimpin kanan pembangkang turut mengubah bentuk ceramah pembangkang di Sarawak kali ini, yang biasanya hanya tertumpu kepada isu tempatan, diselitkan dengan isu nasional.

Tinjauan pada majlis ceramah pembangkang di sekitar Kuching pada dua malam lalu mendapati setakat ini, selain BN, hanya Keadilan yang aktif mengadakan ceramah.

Pas pula dilaporkan lebih cenderung berkempen dari rumah ke rumah di sekitar Kuching tetapi menumpukan ceramah di Beting Maro yang mereka percaya mempunyai harapan cerah untuk menang di situ.

Isu-isu pembangkang juga pelbagai, bergantung kepada siapa berceramah. Pemimpin kanan Pas dan Keadilan membawa isu di Semenanjung seperti kes Tabung Haji, langkah menyelamatkan syarikat gergasi dan menuduh kerajaan membazir duit rakyat melalui projek mewah, manakala penceramah tempatan pula menimbulkan isu setempat yang berbeza antara sesuatu kawasan.

Ini adalah kali pertama Keadilan dan Pas bertanding dalam pilihan raya negeri Sarawak. Kedua-dua parti itu mula bertanding di Sarawak pada pilihan raya umum (bagi kerusi Parlimen) pada November 1999 tetapi gagal mencapai kemenangan.

Bagi kedua-dua parti pembangkang ini, kemenangan sebarang kerusi di Sarawak memberi kejayaan besar kepada mereka dan boleh mengubah masa depan senario politik Sarawak.

Seperti kata seorang pemimpin BN, Pas dan Keadilan hanya memerlukan satu kerusi sebagai tapaknya di negeri ini sebagai asas perjuangan mereka dalam pilihan raya umum nasional pada 2004.

"Walaupun parti pembangkang dari Semenanjung, baik DAP, Pas atau Keadilan kelihatan membawa haluan masing-masing dalam pilihan raya ini, hakikatnya matlamat mereka adalah satu, iaitu menumbangkan BN pada peringkat nasional.

"Bagi mereka, Sarawak adalah benteng terakhir BN. Jika dapat bertapak di

negeri ini, walaupun masing-masing hanya dapat satu kerusi, ia adalah permulaan kepada era baru politik Sarawak," katanya.

Soalnya sekarang ialah sudah bersediakah rakyat Sarawak untuk membuka negerinya kepada orang luar? Apakah mereka boleh dipercayai janji dan keikhlasan parti pembangkang untuk membela kepentingan rakyat Sarawak berbanding sumbangan BN kepada negeri ini sepanjang 20 tahun lalu?

Sediakah mereka melepaskan kerancangan pembangunan yang masih diperlukan di negeri ini sekarang seperti berlaku di dua negeri Pantai Timur Semenanjung?

Justeru, pilihan raya negeri pada 27 September ini sekali lagi menguji kematangan rakyat Sarawak dalam menilai antara bakti dan rekod BN selama ini dengan janji kosong dan retorik pembangkang.

(END)